



Bil. Kami : USM.17/SBP(0)/B/(2019)
Kepada : SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

Universiti Sains Malaysia
11800 USM Pulau Pinang
T: 04-653 3131 / 04-653 3299
F: 04-659 0927 / 04-657 3276
E: bursar@usm.my
L: www.usm.my

12 Oktober 2018

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PENYEDIAAN CADANGAN BELANJAWAN TAHUN 2019 UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
- KUMPULAN WANG MENGRUS DAN AM

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pusat tanggungjawab (PTJ) di bawah seliaan YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan adalah dipohon untuk menyediakan Cadangan Belanjawan tahun 2019 bagi butiran seperti di **Lampiran A**, merangkumi komponen kumpulan wang/keperluan berikut :

- **Mengurus** : membiayai keperluan asas utama dan melancarkan keperluan operasi PTJ, merangkumi komitmen utama berterusan Universiti, khususnya bagi membiayai kontrak-kontrak yang masih berkuatkuasa pada tahun semasa, bil-bil utiliti dan penyelenggaraan
- **Am** : membiayai pelaksanaan aktiviti PTJ, selaras dengan terma rujukan tabung/akaun dan berdasarkan penjanaan pendapatan

3. Pihak YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan turut disarankan untuk memberi penekanan dan mengambil kira elemen keberhasilan aktiviti/program, **peningkatan penjanaan pendapatan serta perbelanjaan berhemah dan mengoptimumkan sumber**, dalam penyediaan perancangan tahun 2019, serta tertakluk kepada Peraturan Kewangan Universiti yang berkuatkuasa.

4. Sehubungan itu, kerjasama pihak YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan adalah dipohon untuk mengemukakan Cadangan Belanjawan tahun 2019 yang lengkap mengikut format *Microsoft Excel* seperti di lampiran kepada Seksyen Belanjawan, Jabatan Bendahari (budget2019@usm.my) dalam kadar **segera atau selewat-lewatnya pada 31 Oktober 2018 (Rabu)** untuk tindakan selanjutnya. Sebarang maklumat lanjut boleh dirujuk kepada :

- i) Puan Nurul Hayati Azme, Penolong Bendahari Kanan, Seksyen Belanjawan
- samb. 3755 (emel : nurulhayati@usm.my)
- ii) Encik Norzaidi Bulat, Penolong Akauntan, Seksyen Belanjawan
- samb. 3797 (emel : norzaidi@usm.my)

5. Sukacita ditarik perhatian pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan bahawa perancangan yang akan disediakan kelak adalah **tidak termasuk keperluan aset** (merangkumi kerja pengubahsuaian, alatan, dan item lain yang berkaitan) yang akan diselaraskan secara berasingan oleh pihak Universiti.

6. Saya juga ingin menarik perhatian YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan, bahawa sekiranya tiada maklum balas diterima pada tarikh yang telah ditetapkan, maka pihak Jabatan Bendahari beranggapan bahawa tiada keperluan Belanjawan tahun 2019 untuk akaun/keperluan yang berkaitan bagi PTJ di bawah seliaan YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.



PENYEDIAAN CADANGAN BELANJAWAN TAHUN 2019 UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
- KUMPULAN WANG MENGURUS DAN AM

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

"Memastikan Kelestarian Hari Esok"


(IZA RAHAYU ABD RAHIM)
b.p Bendahari

s.k. Naib Canselor

Bendahari

Timbalan-Timbalan Bendahari Kanan
Jabatan Bendahari

Timbalan Bendahari
Jabatan Bendahari
Kampus Kesihatan

Timbalan Bendahari
Jabatan Bendahari
Kampus Kejuruteraan